

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-LIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah situasi kekurangan stok *road tax* di seluruh negara dapat kembali pulih sepenuhnya dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap *supplier*. Adakah Kementerian mempunyai sebarang rancangan jangka panjang untuk mengelakkan krisis serupa berulang pada masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 10 Februari 2023 telah melaksanakan inisiatif Pendigitalan Lesen Kenderaan Motor (e-LKM) dan Lesen Memandu Malaysia (e-LMM). Melalui pelaksanaan ini, pemilik kenderaan atau orang awam boleh mengakses paparan e-LKM dan e-LMM secara dalam talian (*online*) melalui Aplikasi MyJPJ atau Portal Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
2. Inisiatif Pendigitalan LKM ini akan dibuat secara berperingkat dengan fasa pertama melibatkan kenderaan persendirian individu (warganegara) dan akan diperluaskan kepada kategori kenderaan yang lain pada fasa berikutnya. Melalui pelaksanaan Digitalisasi LKM ini, hasrat Kerajaan adalah ke arah capaian maklumat dan penyampaian perkhidmatan yang lebih mudah melalui penggunaan aplikasi serta ke arah inisiatif *paperless* yang akan memberi manfaat kepada orang awam dan Kerajaan dari aspek kos dan masa.
3. Untuk makluman, Menteri Pengangkutan telah mengecualikan penguatkuasaan pameran LKM fizikal pada mana-mana kenderaan motor persendirian dan perdagangan warganegara di bawah Seksyen 20 Akta Pengangkutan Jalan 1987 berkuatkuasa 29 Mac 2023. Pemilik kenderaan hanya perlu membayar fi LKM dan tidak diwajibkan untuk melekatkan LKM fizikal pada cermin kenderaan motor.
4. Dalam tempoh interim ini, pendirian Kementerian Pengangkutan adalah untuk memberi pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan LKM fizikal atau digital. Pengguna juga mempunyai alternatif lain seperti mencetak, memuat turun dan tangkap layar e-LKM dalam telefon pintar sebagai simpanan untuk rujukan. Sebagai tambahan, segala data e-LKM akan dipamer dalam gajet penguatkuasa untuk memeriksa sama ada pemandu/pemilik kenderaan memiliki LKM yang sah.
5. JPJ telah menguruskan kekurangan stok di sesetengah cawangan dengan dengan mengagihkan kertas LKM daripada cawangan yang

NO. SOALAN: 44

mempunyai stok lebih dan juga membuat tempahan tambahan. Ini bertujuan untuk memastikan pengguna mempunyai pilihan antara fizikal dan digital. Dalam masa yang sama, Kerajaan akan terus menggiatkan advokasi bagi memberikan kesedaran kepada orang awam terhadap penggunaan Digital LKM.

Sekian, terima kasih